

**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**  
**[ 35 Markah]**

**SOALAN 1: MORFOLOGI**

*Baca petikan dibawah dengan teliti dan senaraikan dua kata ganda tunggal dan dua kata ganda berimbuhan. Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

*Fantasy House Trick Art mempunyai 26 jenis lukisan tangan yang mampu menghasilkan gambar seakan-akan objek hidup. Pelancong yang datang memuji-muji keindahannya selain turut sempat mengabadikan foto berlatarbelakangkan lukisan mural itu yang terdapat di situ untuk dijadikan kenangan. Rata-rata pengunjung yang datang berpuas hati dan kagum akan kehalusan seni yang dihasilkan. Menurut salah seorang pelukis mural, lukisan yang terhasil mengimbau kenangan Ketika kanak-kanak. Eric Lai yang aktif melukis mural sejak empat tahun lalu telah menghasilkan kira-kira 70 buah karya di sekitar bandar Ipoh.*

*( Dipetik dan diubah suai daripada  
“Mural Lukisan 3D Gamit Pelancong Asing”  
Oleh Balqis Jazimah Zahari  
Berita Harian Online, 7 April 2017)*

[ 8 markah]

**SOALAN 2: SINTAKSIS**

*Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi tiga ayat yang anda pilih seperti yang berikut:*

*Subjek : \_\_\_\_\_*

*Predikat : \_\_\_\_\_*

*Terarium ialah ekosistem miniatur tumbuhan hiasan di dalam bekas. Terarium boleh menggunakan pelbagai jenis lumut. Pemilihan balang amat penting. Pembuatan terarium ini agak rumit. Set terarium ringkas boleh disiapkan dalam tempoh tidak sampai satu jam. Terdapat pembeli menjadikan hiasan ini sebagai hadiah.*

*Dipetik dan diubah suai daripada ‘Terarium obsesi Nazrol Ikhwan’  
Oleh Arzina Mohamad Azaman, Sinar Harian, 20 Februari 2020*

[6 markah]

**SOALAN 3: PENYUNTINGAN**

*Dalam petikan 1, terdapat lima kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat enam kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

## Petikan 1

Penyakit tibi atau Tuberkulosis mampu dijangkiti seseorang tanpa mengira bangsa dan kedudukan geografinya. Oleh hal yang demikian, keturunan bukanlah faktor pemangkin seseorang itu dijangkiti tibi walaupun terdapat anggota-anggota keluarga yang pernah dijangkiti tibi sebelum ini. Tibi juga tidak boleh berjangkit melalui makanan dan minuman. Anggota keluarga lain turut tidak akan dijangkiti tibi jika pesakit tibi telah menerima jagaan lebih dari dua minggu di hospital.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Ancaman Penyakit Tibi’  
oleh Zulafiqar MohdYusof,  
Dewan Siswa, bil.12/2018  
Dewan Bahasa dan Pustaka

[5 markah]

## Petikan 2

- Sabariah: Selamat pagi, Doktor Siti. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesudian doktor untuk di wawancara pada pagi ini.
- Doktor Siti: Selamat pagi.
- Sabariah: Saya Sabariah daripada Sekolah Menengah St Anne, ingin mewawancara doktor berkaitan dengan pandemik COVID-19. Doktor, apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membendung penularan virus ini?
- Doktor Siti : Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi memastikan COVID-19 tidak terus merebak, di antaranya mengenakan sekatan kemunculan pelancong dari luar negara. Selain itu, bagi rakyat Malaysia yang pulang ke Malaysia, mereka perlu dikuarantin selama 14 hari. Masyarakat juga diwajibkan memakai penutup muka apabila berada di tempat yang sesak.
- Sabariah: Terima kasih doktor atas kesudian doktor untuk menerangkan tentang langkah yang telah diambil untuk mencegah virus COVID-19 daripada terus merebak.
- Doktor Siti: Sama-sama.

**SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD**

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Berapa lamanya hatta hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur.

[6 markah]

**SOALAN 5 : PERIBAHASA**

*Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian **berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Ibu: Suzi, jagalah diri baik-baik ketika kamu berada di rantau orang. Di sana nanti sesuaikan diri dengan budaya dan adat resam mereka. Ikutlah nasihat orang tua-tua, iaitu masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.

Suzi: Terima kasih, ibu. Saya akan sematkan nasihat ibu itu dalam hati saya.

Ibu: Di luar negara nanti ibu berharap Suzi belajar rajin-rajin sehingga berjaya mendapat segulung ijazah, bak kata peribahasa alang-alang berdakwat, biarlah hitam.

Suzi: Saya tidak akan lupa nasihat ibu itu.

Ibu: Satu lagi, jangan lupa pulang ke halaman bagai ikan pulang ke lubuk setelah tamat pengajian di luar sana.

[4 markah]

**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**  
**[35 Markah]**

**SOALAN 6: PETIKAN UMUM**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

TUARAN: Rekaan pereka fesyen diinspirasi pakaian tradisi etnik Rungus dari Sabah, dinobatkan di tempat ketiga sempena pertandingan International Borneo Fest 2019 yang berlangsung di St. John Church, Hyde Park, London, baru-baru ini.

Difahamkan, seramai 15 peserta berentap dengan masing-masing dua model peragaan sebelum disenarai pendek kepada Sembilan peserta yang layak ke peringkat akhir bagi Kategori Borneo Designer Award dianjurkan Borneo Street Kuala Lumpur.

Peserta, Ahmad Fikri Gompul, 31, berasal dari Kampung Pangadawan Kiulu, Tuaran di sini, berkata rekaan itu dihasilkan daripada kain tenun pakaian tradisi etnik Rungus yang digabungkan bahan Corduroy (Denim) dan Chiffon untuk membolehkan kelahiran baju berkonsep 'sedia untuk dipakai'.

"Konsep pertandingan ini bertujuan menghasilkan pakaian moden yang menggunakan corak serta warna daripada pakaian tradisional etnik di Sabah dan Sarawak."

"Saya harap usaha ini menjadi contoh kepada pereka fesyen tempatan yang boleh menarik generasi baharu mengekalkan pemakaian tradisi *kekalkan relevan* walaupun mengalami perubahan yang pesat,"katanya.

**Bahan 2**

**Pakaian Tradisional Melayu**

**BAJU KURUNG**

Setelah kedatangan Islam, wanita Melayu mula memakai baju kurung yang sopan. Baju kurung lazimnya diketahui sebagai baju longgar yang labuh, kadang kala hingga ke lutut dan dipadankan kain labuh yang berlipat tepi. Baju tersebut meliputi seluruh tubuh, memperlihatkan wajah dan tangan sahaja, dilihat sebagai mematuhi peraturan pakaian Islam. Baju kurung boleh dipadankan dengan kain tradisional seperti songket atau batik. Digandingkan dengan kain selendang atau tudung kepala. Baju kurung sesuai dipakai dalam majlis-majlis formal atau urusan seharian.

**BAJU MELAYU**

Pakaian tradisional bagi kamu lelaki Melayu ialah baju Melayu. Baju Melayu seakan kemeja longgar yang dipakai dengan seluar Panjang. Pakaian ini selalunya dipadankan dengan kain samping yang diikat di bahagian pinggan dan bersongkok. Baju melayu bagi rakyat Malaysia terbahagi kepada dua iaitu, baju Melayu potongan Teluk Belanga dan baju Melayu potongan cekak musang. Cara memakai baju Melayu Teluk Belanga biasanya samping dipakai di sebelah dalam baju. Cara memakai baju Melayu Cekak Musang ialah samping di sebelah luar baju.

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *kekal relevan*. [2 markah]
- ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan pakaian moden berunsurkan tradisional dan pakaian tradisional Melayu. [3 markah]
- iii. Banyak usaha yang boleh diambil untuk mempopularkan pakaian tradisional negara di peringkat global.  
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha tersebut? [3 markah]
- iv. Anda menyertai kumpulan pereka sekolah anda untuk menyertai Pertandingan Mereka Busan Tradisional Abad ke-21 peringkat antarabangsa di luar negara.  
Apakah unsur-unsur yang anda akan tekankan dalam usaha mereka busana tradisional yang memenuhi cita rasa pengguna abad ke-21 ini? [4 markah]

### SOALAN 7: PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### Bahan 1

- |        |   |  |
|--------|---|--|
| Posmen | : | Ada sesiapa yang bernama Aiman Faizullah bin Khir Ghazali di rumah ini?  |
| Aiman  | : | Ada, sayalah orangnya. Surat apa ini?  |
| Posmen | : | Surat daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara. Ini bermakna, adik terpilih untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Bagus program itu. Kalau umur abang macam adik, pasti abang tidak akan lepaskan peluang ini.  |
| Aiman  | : | Abang buang sahaja surat ini. Saya tidak berminat langsung. Buat apa nak bersusah payah sertai program macam ni. Ayah saya ada banyak duit. Apa yang saya nak, semua boleh dapat. Buang masa dan tenaga sahaja program macam ini. Untuk orang susah bolehlah. Maklumlah, dapat makan percuma enam kali sehari, tempat tidur dan pakaian semua diberikan. Siap dapat RM50.00 lagi...ha...ha...ha. |
| Posmen | : | Tak baik cakap macam itu, banyak kebaikannya program seperti ini. Cuba jangan fikir tentang duit dan makan minum tu. Cuba fikirkan tentang kemahiran dan pengalaman yang akan diperolehi nanti.  |

Dipetik daripada drama 'Berkhidmat untuk Negara' oleh Affix Zulkarnaen Adam, Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka

**Bahan 2****Syair Ramaja Bersukan**

Dengarkanlah remaja pesanan bestari,  
Mari bersukan setiap hari,  
Usah malas merajai diri,  
Tubuh mengembang penyakit mencari.

Badan berpeluh bersukan sentiasa,  
Berbau busuk tidak biasa,  
Orang memandang tidak selesa,  
Penampilan diri rosak binasa.

Ramai ramaja leka di rumah,  
Bermain peranti mulut tak ramah,  
Aktif bersukan *menyimpan hikmah*,  
Tidak berdaya badan pun lemah.

Remaja kini tidak bersukan,  
Kurang kesedaran juga didikan,  
Keluarga menghalangpelajaran diutamakan,  
Tiada motivasi galakan rakan.

*Roslan Daud*  
*Taman Melawati.*

- i. Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud menyimpan hikmah. [2 markah]
- ii. Berdasarkan semua bahan, nyatakan punca-punca remaja kini tidak berminat dengan aktiviti luar. [4 markah]
- iii. Aktiviti luar seperti bersukan dapat mendatangkan pelbagai manfaat kepada remaja. Pada pendapat anda, apakah manfaat-manfaat aktiviti luar yang disertai oleh remaja? [3 markah]
- iv. Seorang rakan anda amat meminati bidang sukan. Dia telah menyertai pelbagai aktiviti kokurikulum dan pertandingan sukan pada peringkat sekolah, daerah dan negeri. Dia juga bercita-cita menjadi seorang atlet sukan yang berjaya. Dengan itu, dia boleh menjadi salah seorang daripada jutawan sukan seperti Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol Ann David. Sebagai rakan yang prihtin, berikan cadangan kepada rakan anda tentang cara-cara yang boleh rakan anda lakukan untuk mencapai cita-citanya menjadi atlet sukan yang berjaya? [4 markah]

**SOALAN 8: NOVEL**

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Cemas dan takut, binatang itu berdengus menyeringaikan gigi tajamnya. Kerana terperanjat, kedua-dua sepupu itu menjerit sekuat-kuat hati. Dalam suasana panik, monyet itu menerpa ke arah Waheeda. Jari dan kuku panjang haiwan itu merangkul kepalanya dan spontan dia terasa gigi tajam haiwan itu mencengkam hidung dan pipinya. Waheeda terasa pedih bukan main. Tangannya menepis kasar binatang itu. Haiwan liar itu melompat tersusup-sasap sebaik-baik terpelanting ke atas lantai. Hujung batang penyapu kayu dilibas Fatimah terkena badan haiwan berbulu putih itu. Sepantas kilat monyet itu melompat keluar melalui tingkap ke arah pokok kelapa. Monyet itu panik. Batang penyapu itu begitu memeranjatkannya sebelum sempat ia membenamkan giginya sekali lagi ke wajah Waheeda. Semuanya berlaku begitu pantas.

Dipetik daripada  
Novel Tirani  
Karya Beb Sabariah  
*Kementerian Pendidikan Malaysia*

Nyatakan tindakan yang dilakukan oleh Waheeda dan Fatimah apabila diserang oleh monyet.

[4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a. Leftenan Adan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib
- b. Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- c. Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Matdarin
- d. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e. Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- f. Tirani karya Beb Sabariah
- g. Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- h. Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, huraikan sebab-sebab novel tersebut sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan murid.

[6 markah]

**BAHAGIAN C**  
**[30 Markah]**

**SOALAN 9 RUMUSAN**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian, buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**Bahan 1 - Petikan**

Setiap tahun, ribuan orang bergantung pada penerimaan darah dan produk darah yang disumbangkan untuk kekal hidup. Kecederaan dan penyakit tertentu boleh menyebabkan kadar darah seseorang menurun. Tanpa bekalan darah yang cukup, mereka tidak akan menerima oksigen yang mencukupi dalam badan yang seterusnya boleh mengakibatkan kematian. Umum mengetahui bahawa menderma darah membawa 1 001 manfaat. Malah, menderma darah bukan hanya memberi kelebihan kepada penerima tetapi juga faedah kesihatan kepada penderma, selain dapat membantu menyelamatkan nyawa orang lain.

Menderma darah juga dapat mencegah hemochromatosis, iaitu penyerapan zat besi yang berlebihan oleh tubuh dan menurunkan risiko bagi serangan jantung sebanyak 88 peratus seperti kajian yang dilakukan oleh *American Journal of Epidemiology*. Melalui pendermaan darah, penderma dapat mendiagnosis sebarang penyakit pada peringkat awal sebelum penyakit tersebut makin teruk. Hal ini demikian kerana para penderma akan menjalani analisis secara percuma bagi mengetahui tahap kesihatan dan jenis darah mereka. Penderma darah juga akan mendapat manfaat dari segi rawatan kesihatan seperti rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan di hospital kerajaan. Bagi seseorang yang mengalami masalah berat badan berlebihan, inilah masanya untuk mengurangkan berat badan. Seterusnya, menderma darah juga dapat merangsang pengeluaran sel darah baharu yang seterusnya dapat membantu menjaga kesihatan anda. Sel darah merah banyak digunakan untuk pesakit yang memerlukan transfusi darah apabila berlaku pendarahan berlebihan seperti kemalangan, pembedahan atau tumpah darah semasa bersalin. Sel darah merah juga diperlukan untuk transfusi darah secara berkala bagi pesakit talasemia, kanser, dan penyakit buah pinggang demi mengekalkan kualiti kehidupan yang baik.

Masyarakat Malaysia sebenarnya sudah mempunyai kesedaran untuk berbuat demikian dari tahun ke tahun. Namun, masih ada yang ragu-ragu untuk menderma darah sedangkan banyak manfaat kesihatan yang bakal diperolehi. Ramai antaranya fobia dengan darah dan tidak kurang juga mempunyai tanggapan bahawa menderma darah boleh menggemukkan badan. Keadaan tersebut berlaku akibat kurangnya maklumat dan pengetahuan tentang manfaat menderma darah serta persepsi terpesong masyarakat yang berfikir mereka akan dapat jangkitan penyakit HIV dan hepatitis dengan menderma darah.

Tamsilnya, Pusat Darah Negara (PDN) akan terus bergiat aktif bagi menggalakkan dan memberikan kesedaran kepada orang ramai supaya menderma darah.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Manfaat Derma Darah yang Anda Tak Tahu, Rugi Kalau Abaikan'  
*Sinarplus, sinarharian.com.my, Jun 2020*



## Bahan 2 - Poster

## ALASAN UNTUK TIDAK MENDERMA DARAH

### ★ MITOS VS FAKTA ★

**“ Saya takut boleh gemuk selepas derma darah !!! ”**



**PDN:** Takut kepada cucukan jarum adalah perkara biasa. Namun ubat pelali akan diberikan bagi menghilangkan rasa sakit.

**“ Saya takut melihat jarum...!! ”**



**PDN:** Tanggapan itu tidak benar. Berat badan anda tidak akan bertambah selepas menderma darah.

**“ Saya terlalu lemah !! ”**



**PDN:** Darah akan kembali seperti sedia kala selepas menderma darah. Anda dinasihati berehat seketika sambil menikmati jamuan ringan sebelum kembali bertugas.

**“ Derma darah akan membuatkan badan saya lemah !! ”**



**PDN:** Setiap orang mempunyai purata 4 – 7 liter darah di dalam badan. Hanya 450ml darah sahaja didermakan setiap pendermaan. Berat badan antara 45kg – 50kg hanya 350ml darah sahaja yang boleh didermakan.





**PUSAT DARAH NEGARA**  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

 [PusatDarahNegaraKementerianKesihatanMalaysia](#)

 [PusatDarahNegara](#)  [PDNKKM](#)

Sumber: Pusat Darah Negara

KERTAS SOALAN TAMAT.